



Bina 10,000 rumah mesra rakyat

KLUANG - Kerajaan komited membela nasib penduduk negara ini dengan meletakkan tanggungjawab kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk membina 10,000 rumah mesra rakyat pada tahun ini.

Pengerusi SPNB, Datuk Ir. Idris Haron berkata, rumah mesra rakyat itu mempunyai nilai pasaran kira-kira RM90,000 namun pemilik hanya perlu membayar separuh daripada nilai tersebut menerusi ansuran bulanan serendah RM100.

"Saya telah diarahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membina sebanyak 10,000 rumah mesra rakyat pada tahun ini.

"Ini menunjukkan kerajaan kita mengutamakan kesejahteraan rakyat dan tidak pentingkan keuntungan semata-mata," katanya berucap pada majlis penyerahan rumah baharu kepada mangsa banjir sekitar Kampung Gajah dekat sini semalam.

Pada majlis yang disempur-

Kerajaan kita mengutamakan kesejahteraan rakyat dan tidak pentingkan keuntungan semata-mata

DATUK IR. IDRIS HARON

nakan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang merupakan Ahli Parlimen Sembrong itu, seramai 56 penduduk yang sebelum ini berhadapan dengan masalah kediaman mereka sering dilanda banjir bakal mendiami rumah baharu di Taman Desa Sejahtera, Kam-

pung Gajah.

Menurut Idris, SPNB telah dilantik sebagai agensi pelaksana oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membangunkan perumahan untuk mangsa-mangsa banjir di kawasan tersebut.

Projek seluas 4.4 hektar yang dibangunkan di kawasan itu menelan kos lebih RM13 juta meliputi pembangunan rumah teres setingkat sebanyak 60 unit dan tujuh unit rumah kedai.

Rumah tersebut mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu bilik utiliti selain dilengkapi kemudahan-kemudahan asas seperti surau dan taman permainan kanak-kanak.

Beliau memberitahu, di Johor, terdapat tiga projek perumahan berkelompok yang dibangunkan di atas tapak-tapak disediakan kerajaan negeri melibatkan sejumlah 462 unit rumah iaitu di Kampung Gajah dan Parit Salam, Kluang serta Mukim Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi.



HISHAMMUDDIN (dua dari kiri) menyerahkan kunci rumah mesra rakyat kepada Bustaman Idris sambil disaksikan oleh Idris (kiri) pada majlis penyerahan kunci rumah di Kampung Gajah, Kluang semalam.